

KENYATAAN MEDIA

14 JULAI 2023

Suruhanjaya Tenaga
(Energy Commission)
No. 12, Jalan Tun Hussein,
Precinct 2,
62100 Putrajaya,
Malaysia.
T : +603 8870 8500 F : +603 8888 8637
Toll Free : 1-800-2222-78(ST)

ST-PDRM Perkukuh Kerjasama Tindakan ke Atas Kes Penggunaan Elektrik Secara Curang

Putrajaya, 14 Julai 2023 – Suruhanjaya Tenaga (ST) telah mengadakan Majlis Penyerahan Surat Pemberian Kuasa Menyiasat Kesalahan di bawah Subseksyen 37(1) & (3) Akta Bekalan Elektrik (ABE) 1990 kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM) di Ibu Pejabat ST.

Sesi penyerahan ini telah disempurnakan oleh Ketua Pegawai Eksekutif ST, Dato' Ir. Ts. Abdul Razib Dawood kepada SAC Datuk Mohamed Usuf Jan Mohamad, Ketua Penolong Pengarah (Siasatan Jenayah Pemalsuan/Pelaburan Bersindiket), Jabatan Siasatan Jenayah Komersial PDRM.

Dalam ucapannya, beliau berkata bahawa penurunan kuasa ini merupakan kolaborasi di antara ST dan PDRM yang bersifat '*complement each other*' bagi meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan yang melibatkan aktiviti penggunaan elektrik dengan curang seterusnya mengurangkan kehilangan tenaga dalam sistem pembekalan elektrik serta kerugian kepada Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan negara.

MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA


Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah.

Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.

Dato' Ir. Ts. Abdul Razib Dawood berkata kerjasama di antara ST dan PDRM ini dipercayai dapat mengekang kekuatan sindiket perlombongan matawang kripto serta aktiviti pengubahan wang haram yang telah mula dikesan di negara ini sejak tahun 2018 lagi.

“Melalui penurunan kuasa ini juga, dijangka dapat mempercepatkan dan meningkatkan bilangan pertuduhan di mahkamah serta mensabitkan kesalahan dengan denda yang lebih tinggi di bawah ABE 1990 berbanding dengan Kanun Keseksaan,” katanya.

ST merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada PDRM atas kerjasama sebelum ini dan dengan penurunan kuasa ini diharapkan kolaborasi antara ST dan PDRM akan semakin kukuh dan berterusan. Untuk maklumat lanjut berkenaan perkara ini, sila layari laman sesawang ST di www.st.gov.my atau hubungi kami di talian 03-8870 8500.



*****TAMAT*****

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Veliana Ruslan/Hazwani Ghazali/Muhammad Harith Safruddin

Unit Promosi dan Hubungan Luar

Tel: 03-8870 8753/019-2131978 (Veliana)/011 28866271 (Hazwani)/018 3822545 (Harith)

Emel: veliana@st.gov.my/noonhazwani@st.gov.my/harith@st.gov.my

MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah.

Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.